

04/06/2003

Negeri kurang sokong MSAN

KUALA LUMPUR: Majlis Sumber Air Negara (MSAN) tidak dapat melaksanakan penyelarasan pembangunan dan pengurusan air di seluruh negara kerana tidak

mendapat kerjasama dan sokongan penuh kerajaan negeri.

Timbalan Presiden Persatuan Air Malaysia (MWA), Tan Sri Rozali Ismail, berkata salah satu sebab kerajaan negeri tidak memberi sokongan ialah kerana kerajaan negeri tidak mahu kehilangan hak mutlak terhadap sumber air.

"Kerajaan negeri berpendapat mereka akan kehilangan kuasa dalam (pengurusan) air jika MSAN ini menguruskan sumber air di setiap negeri. Jadi mereka tak berapa setujulah," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Sidang media itu mengenai penganjuran satu kolokium sempena Hari Alam Sekitar.

Rozali berkata, walaupun air terletak di bawah bidang kuasa negeri, namun Kerajaan Pusat melalui MSAN bercadang menyelaraskan pembangunan berkekalan sumber air bagi memastikan tiada perbezaan harga air di antara negeri.

Katanya, jika kerajaan negeri masih tidak memberikan sokongan terhadap majlis yang dicadangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, masalah seperti perbezaan daripada segi pengurusan air dan pembiayaan untuk meningkatkan sumber air akan terus berpanjangan.

Rozali berkata, sekiranya kerajaan negeri memberikan sokongan kepada MSAN, masalah air negara akan dapat diatasi kerana fungsi majlis adalah untuk menyelaraskan pentadbiran air.

Katanya, melalui MSAN juga, persaingan dari segi harga air di antara negeri akan dapat dikurangkan kerana harga air telah diselaraskan dan kerajaan seterusnya dapat menyalurkan air secukupnya kepada negeri yang mempunyai masalah kekurangan air.

Sementara itu mengenai kolokium itu, beliau berkata, kolokium bertajuk 'Pengurusan Air Berkekalan dan Media' yang akan diadakan esok bertujuan membincangkan isu pengurusan air, alam sekitar dan pengekalan sumber air.

Dalam kenyataan berasingan, penganjur kolokium Malaysian Centre for Environmental Communicators (MACEC) berkata, program sehari yang akan dirasmikan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin itu bertujuan menonjolkan isu berkaitan pengurusan bekalan air dan meninjau peranan yang boleh dilakukan wartawan dan penyampai maklumat alam sekitar

berhubung pemuliharaan sumber air.

Selain Rozali, pakar mengenai isu berkaitan diundang untuk menyertai perbincangan dalam pelbagai aspek pengurusan air.

Antara ahli panel yang dijemput ialah Pengurus Besar Operasi Perbadanan

Urus Air Selangor (Puas), V Subramaniam; Ahli Majlis Persatuan Air Malaysia, Datuk Dr Mohd Akbar Johari; Wartawan Berita Harian, Salina Abdullah dan Perunding Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Tan

Foong Ping.

Mereka yang berminat menyertai kolokium itu atau menyokong aktiviti MACEC boleh menghubungi Mohamad Reaz Abdullah di talian 03-6201 2903.